

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATIN SERI DR. SITI HASMAH BT HAJI MOHD. ALI
DI HARI KELUARGA PERDANA PIBG
SEKOLAH KEBANGSAAN BUKIT DAMANSARA, KUALA LUMPUR
PADA HARI SABTU, 31 OKTOBER 1998
JAM 9.00 PAGI**

Saya ingin memanjatkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan kurniaNya sahaja dapat kita berkumpul dalam keadaan aman dan selesa dengan ahli keluarga Sekolah Kebangsaan Bukit Damansara dalam sambutan Hari Keluarga Perdananya.

2. Saya mengucapkan berbilang terimakasih kepada PIBG kerana sudi menjemput saya merasmikan Hari Keluarga yang bahagia ini.

3. Saya juga mengucapkan syabas dan bersama gembira kerana didalam kesibukan murid-murid dengan pelajaran mereka, guru-guru dengan tugas-tugas mereka dan ibubapa dengan tanggungjawab mereka, semua pihak masih lagi mampu bergabung tenaga untuk menganjurkan Hari Keluarga Perdana ini. Syabas!

4. Sambutan Hari Keluarga membawa bersamanya manfaat yang tidak ternilai dan pengertian yang amat mendalam dalam proses pembangunan masyarakat. Dalam masa kita berusaha mengejar kemajuan dan kejayaan hidup lebih-lebih lagi dalam era Sains dan Teknologi yang semakin canggih adalah amat wajar kita merenung sejenak tentang betapa mustahak nilai-nilai kekeluargaan dalam sesebuah masyarakat.

5. Adalah amat penting institusi keluarga sentiasa dipupuk supaya ia bertambah teguh dalam satu ikatan kasih sayang dan tulus ikhlas. Masa yang diluangkan untuk anak-anak

adalah merupakan "pelaburan" masa hadapan yang amat penting demi membantu usaha membentuk generasi yang teguh dari segi mental, emosi, rohani dan jasmani. Hari Keluarga yang disambut secara bersama oleh ibu bapa, guru dan anak-anak dalam suasana riang dan tidak formal, walaupun hanya sedetik dalam hidup kekeluargaan, ia tetap dapat memberi sumbangan yang amat berharga yang akan diingat oleh anak-anak kita.

6. Saya tertarik dengan beberapa aktiviti yang diadakan dalam sambutan Hari Keluarga sekolah kali ini. Ia bukan sekadar merupakan satu aktiviti untuk mengisi tabung PIBG, sebaliknya persembahan seni kebudayaan oleh murid dan daya usaha mengadakan pertandingan mereka cipta Sains yang telah mendapat sambutan yang hebat daripada murid-murid sekolah ini adalah amat dialu-alukan. Ia secara langsung akan dapat memupuk dan mempertingkatkan potensi serta bakat yang ada dikalangan murid di sekolah ini. Ia juga selari dengan hasrat untuk memastikan kecemerlangan pencapaian murid sekolah ini terus dikekalkan malah dipertingkatkan.

7. Sekolah tidak harus dianggap sebagai sebuah institusi akademik sahaja dimana anak-anak kita menimba ilmu. Selain daripada ilmu, anak-anak ini harus dididik dan dipupuk dengan nilai-nilai murni seperti yang dikehendaki oleh agama kita. Mereka perlu rajin dan tidak bosan menimba ilmu sehingga tahap yang tinggi yang boleh mereka capai. Ini suatu cabaran dan bukan tekanan yang mereka harus hadapi. Untuk mereka menjadi rajin membaca, rajin pergi ke sekolah, galakan dari ibubapa harus diberi kepada mereka dan guru-guru di sekolah juga harus menyediakan tarikan yang akan menarik minat murid-murid sepanjang masa.

8. Selain daripada itu, murid-murid perlu dipupuk dengan nilai-nilai keprihatinan dan penyayang terhadap golongan-golongan yang kurang bernasib baik dan kurang berupaya. Hormat kepada orang tua mereka, guru-guru dan orang-orang dewasa bukan sahaja bermula di rumah tetapi terus dilatih di sekolah jua.

9. Dalam negara berbilang kaum seperti kita di Malaysia, anak-anak kita dari kecil lagi harus disemaikan dengan perasaan perpaduan antara kaum dan akuan bahawa semua rakyat dalam negara ini adalah rakyat Malaysia.

10. Di sinilah pentingnya anak-anak kita diperkenalkan dari kecil lagi perasaan cintakan agama, bangsa dan negara. Saya masih ingat lagi ketika saya melawat Korea Utara dimana saya dibawa ke Students' Palace untuk melihat latihan kanak-kanak kecil di sana. Saya telah lihat seorang anak perempuan kecil berumur 5 tahun berpakaian kemas dan cantik menceritakan kepada tetamu-tetamu yang datang dimana Pemimpin Besarnya lahir, dimana ia bersekolah, bertugas dan sebagainya, dengan menggunakan suatu kayu petunjuk dan peta relief yang besar di atas meja. Anak ini tidakpun sampai tinggi meja itu tetapi terjengkit-jengkit memberi "taklimat" kepada kami tetamu dewasa! Anak ini mengakhiri briefingnya itu dengan mengucapkan terima kasih kepada pemimpin-pemimpinnya kerana memberi kepadanya baju yang cantik, makanan yang cukup dan ilmu yang mereka perolehi! Itulah ragam anak yang berumur 5 tahun yang kita katakan dibrain wash oleh pihak Kerajaan Korea Utara.

11. Kita tidaklah mahu sehingga begitu sekali tetapi iktibar dari cerita saya itu ialah anak-anak kecil boleh dibentuk untuk menjadi baik ataupun buruk. Cintai bendera dan lagu Kebangsaan kita, memahami dengan penuh prinsip-prinsip Rukun Negara dan perpaduan rakyat, dan cintai keamanan dan kesejahteraan rakyat amat penting sekali ditegas kepada murid-murid.

12. Sebagai warisan negara dan tiang negara kelak, murid-murid inilah yang perlu kita lindungi sekarang dari apa jua gejala-gejala buruk sekitar mereka. Sebagai ibubapa, segala perlindungan harus diberi kepada anak-anak kerana mereka belum lagi matang untuk bertanggungjawab. Guru-guru di sekolah perlu memberi panduan dan ajaran yang murni dan benar dengan menjadi tauladan dan modal yang baik bagi murid-murid.

13. Sekali lagi saya ingin mengkesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak PIBG Sekolah Kebangsaan Bukit Damansara ini yang telah sudi menjemput saya ke majlis ini hari ini. Saya harap semangat kerjasama yang ditunjukkan oleh pihak ibubapa, guru dan murid akan sentiasa dipelihara demi kesejahteraan semua pihak.

Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim saya dengan sukacitanya merasmikan Hari Keluarga Perdana Sekolah Kebangsaan Bukit Damansara ini.
